# TARGET PBD

EDISI GURU

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

TINGKATAN 4
KSSM

# PENDIDIKAN MORAL



Melancarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Memantapkan Pentaksiran Sumatif & SPM

Menyokong Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Mesra Digital

Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid







## PAKEJ PERCUMA UNTUK KEMUDAHAN GURU

### EDISI GURU

VERSI CETAK

**PEMERKASAAN PBD & SPM**
- Nota Ekspres
- Modul PBD
- Modul SPM
- Jawapan

**PEMBELAJARAN DIGITAL**
- Pelbagai bahan sokongan pembelajaran dalam talian

### RESOS DIGITAL GURU

ePelangi+

Pelbagai bahan digital sokongan PdPc yang disediakan khas untuk guru di platform ePelangi+

EG-i + BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

# Modul PBD » Pentaksiran Formatif


MODUL PBD
BIDANG 5 Insan Bermoral
UNIT 1
Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan
Nilai Teras Sivik | Kegembiraan

PBD Norma Masyarakat — Buku Teks ms. 4

1. Norma masyarakat merupakan panduan individu bertingkah laku baik. Lengkapkan ayat di bawah tentang norma masyarakat. SP 5.1.1 TP 1

sosial | amalan | dihindari | menyesuaikan
kebiasaan | wajar | akur | agama | perilaku

(a) Norma masyarakat merujuk kepada perilaku atau tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya.
(b) Norma masyarakat merupakan peraturan sosial yang dibentuk secara sedar atau tidak sedar sehingga menjadi kebiasaan.
(c) Amalan norma masyarakat merangkumi perbuatan yang wajar dilakukan dan patut dihindari dalam kehidupan bermasyarakat.
(d) Amalan agama menjadi sebahagian daripada norma masyarakat.
(e) Kita harus akur dan dapat menyesuaikan diri dengan peraturan yang telah ditetapkan.

VIDEO — Etika Menaiki Bas

PBD Contoh Norma Masyarakat — Buku Teks ms. 5

2. Selain mengetuk pintu sebelum masuk, senaraikan **empat** contoh norma masyarakat yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. SP 5.1.2 TP 2
(a) Menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah
(b) Menggunakan tangan kanan untuk menerima dan memberi barang
(c) Duduk ketika makan
(d) Beratur ketika menaiki bas

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 1

1. Praktis topikal yang menilai kesemua Tahap Penguasaan (TP1 - TP6) yang tercakup dalam DSKP.
2. Soalan yang mematuhi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) serta menepati kandungan dalam buku teks.
3. Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk mencabar pemikiran murid.
4. Integrasi soalan berformat SPM.

PANDUAN PENGGUNAAN


Pendidikan Moral Tingkatan 4 Unit 2

PBD Mengamalkan Keperibadian Mulia dalam Kehidupan Harian

5. Gambar di bawah menunjukkan tindakan berkeperibadian mulia. TP 5 — MAHIR SPM (SP 5.2.5, KBAT Menilai)

"Sharwin telah menolong seorang nenek melintas jalan raya yang sibuk dengan menggunakan lampu isyarat pejalan kaki. Tindakan Sharwin telah mendapat pujian daripada pengguna jalan raya."

Apakah perasaan anda apabila anda membaca petikan di atas? Jelaskan.
Saya berasa gembira. Sharwin memahami keadaan nenek yang hendak melintas jalan raya. Tindakan Sharwin dapat membantu nenek melintas jalan dengan cepat dan selamat. Hal ini akan mengelakkan nenek daripada terlibat dalam kemalangan jalan raya.

6. Gambar di bawah menunjukkan tindakan yang tidak berkeperibadian mulia. TP 6 — MAHIR SPM (SP 5.2.6, KBAT Mencipta)

INFO — Ujian Personaliti

Bagi mengurangkan kes membuli haiwan, cerakinkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat.
Masyarakat harus menghubungi pihak berkuasa untuk mengelakkan haiwan dianayai sehingga cedera. Pelaku kezaliman terhadap haiwan akan ditangkap oleh pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Masyarakat juga boleh menghalang kes membuli haiwan dengan membawa haiwan tersebut ke tempat yang selamat. Contohnya, masyarakat boleh membawa haiwan yang dibuli ke SPCA Selangor untuk dilindungi.

Tahap Penguasaan Unit 2: TP 1, TP 2, TP 3, TP 4, TP 5, TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 6

5. **Bahan pembelajaran digital** seperti Info, Video dan Cetus Idea (bahan audio) menyokong pembelajaran yang kondusif.
6. Aktiviti PAK-21 disertakan untuk menyempurnakan PdPc.
7. Pendidikan Sivik merupakan aktiviti yang menerapkan empat nilai teras, iaitu kasih sayang, kegembiraan, bertanggungjawab dan hormat-menghormati.


Pendidikan Moral Tingkatan 4 Unit 10
PBD Kepentingan Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika
(callout 5)
© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 32


MODUL PBD
UNIT 9
Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara
PBD Contoh Amalan Perpaduan
(callout 5)
© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 27


Pendidikan Moral Tingkatan 4 Unit 5
PBD Mengamalkan Integriti Individu dalam Kehidupan Harian
(callout 6) AKTIVITI PAK-21 — Rotating Review
© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 16


Pendidikan Moral Tingkatan 4 Unit 12
PBD Kesan Pengabaian Tanggungjawab Mempertahankan Kedaulatan Negara
(callout 7) PENDIDIKAN SIVIK
© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 41

PANDUAN PENGGUNAAN

## E Modul SPM » Pentaksiran Sumatif

1. Ujian-ujian topikal dengan soalan-soalan berpiawai SPM
2. Pentaksiran Akhir Tahun
3. Petunjuk rujukan unit



MODUL SPM

| UJIAN | SKOP | HALAMAN |
|---|---|---|
| UJIAN 1 | Unit 1 – Unit 2 | 44 – 50 |
| UJIAN 2 | Unit 3 – Unit 4 | 51 – 58 |
| UJIAN 3 | Unit 5 – Unit 6 | 59 – 66 |
| UJIAN 4 | Unit 7 – Unit 8 | 67 – 74 |
| UJIAN 5 | Unit 9 – Unit 10 | 75 – 82 |
| UJIAN 6 | Unit 11 – Unit 12 | 83 – 90 |
| PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN | Unit 1 – Unit 12 | 91 – 100 |










## F Jawapan

Jawapan keseluruhan buku **Kod QR** disediakan di halaman Kandungan.









# RESOS DIGITAL GURU ePelangi+



Di platform ePelangi+ , guru yang menerima guna (*adoption*) siri Target PBD KSSM diberi akses kepada EG-i dan bahan sokongan ekstra PdPc untuk tempoh satu tahun:

## 1 Apakah itu EG-i ?

EG-i merupakan versi digital dan interaktif Edisi Guru Target PBD secara dalam talian. Versi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, memaksimumkan kesan PdPc, dan membangunkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta responsif dalam kalangan murid.




### Halaman Contoh EG-i




Klik kod QR untuk mengakses bahan dalam kod QR seperti Info, Video, Cetus Idea (audio), Video Tutorial, Model 3D dan lain-lain.

Pilih paparan halaman (single/double page) dan bahasa antara muka melalui ***Setting***.

**Alat sokongan lain:**
- Pen
- Sticky Note
- Unit Converter
- Ruler
- Calculator
- Bookmark

Klik butang JAWAPAN untuk memaparkan atau melenyapkan jawapan (*hidden*) semasa penyampaian PdPc.

# 2 BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

Bahan-bahan pengajaran dan latihan di platform ePelangi+ boleh dimuat turun atau dimainkan terus.

**Bahan pengajaran**
- e-RPH (Microsoft Word)
- Edisi Guru PDF
- PowerPoint Interaktif
- Nota Peta Minda
- Modul Literasi Sivik

**Bahan latihan**
- Praktis Ekstra
- Aktiviti PAK-21

Boleh dimuat turun



**Bahan sokongan PdPc ekstra** yang sesuai dicadangkan pada halaman atau bahagian tertentu Edisi Guru melalui *thumb indeks* ePelangi+.

## CONTOH HALAMAN EDISI GURU DENGAN CADANGAN BAHAN SOKONGAN PDPC EKSTRA




ePelangi+ Nota Peta Minda






**Nota Peta Minda**
Nota berwarna dalam bentuk peta minda yang menarik.




ePelangi+ Pendidikan Sivik




**Modul Literasi Sivik**
Latihan pelaksanaan Pendidikan Sivik dengan memberikan penekanan kepada aspek literasi dan amali sivik dalam kehidupan seharian.




ePelangi+ Aktiviti PAK-21




**Aktiviti PAK-21**
Latihan yang menerapkan elemen-elemen asas dalam PAK-21 yang berpusatkan murid.




**PowerPoint Interaktif**

Slaid pengajaran PPT lengkap yang meliputi setiap topik dan subtopik.










**Praktis Ekstra**

Latihan tambahan berdasarkan format SPM.




ePelangi+

**Bagaimanakah saya dapat mengakses semua bahan di ePelangi+ ?**



## LANGKAH 1

### DAFTAR AKAUN

Bagi pengguna baharu ePelangi+, imbas kod QR di bawah atau layari plus.pelangibooks.com untuk *Create new account.*

**Semak e-mel dan klik pautan untuk mengaktifkan akaun.**

## LANGKAH 2

### *ENROLMENT*

*Log in* ke akaun ePelangi+. Pada halaman utama (*Home*), cari tajuk buku dalam *Secondary* [*Full Access*].

Masukkan *Enrolment Key* untuk *enrol.*

**Hubungi wakil Pelangi untuk mendapatkan *Enrolment Key.***

## LANGKAH 3

### AKSES RESOS DIGITAL

Klik bahan untuk dimuat turun atau dimainkan.







* Kontak wakil Pelangi boleh didapati di halaman EG-8.

# HUBUNGI WAKIL PELANGI

## PERKHIDMATAN & SOKONGAN

| AREA | CONTACT NUMBER |
|---|---|
| **Northern Region** | 012-4983343 |
| Perlis / Kedah | 012-4853343 |
| Penang | 012-4923343 |
| Perak | 012-5230133 / 019-6543257 |
| **Central Region** | 012-3293433 |
| | 012-7800533 |
| | 012-7072733 |
| | 012-3297633 |
| | 019-3482987 |
| **Southern Region & East Coast** | 012-7998933 |
| Negeri Sembilan / Melaka | 010-2432623 |
| Johor | 012-7028933 |
| Pahang / Terengganu | 012-9853933 |
| Kelantan | 012-9863933 |
| **East Malaysia** | 012-8889433 |
| Kuching / Sarikei | 012-8839633 |
| Sibu / Bintulu / Miri | 012-8052733 |
| Sabah | 012-8886133 |

PELANGI Books Gallery

**GALERI PAMERAN ONSITE & ONLINE**

**Bangi**
Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

**Johor Bahru**
66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

**E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI**
service1@pelangibooks.com

**PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN & PROGRAM PELANGI TERKINI**

PelangiPublishing PelangiBooks PelangiBooks

# KANDUNGAN


**Rekod Pentaksiran Murid** iv – vii

**Nilai Universal Bagi KSSM Pendidikan Moral** viii

**Nota Ekspres** N1 – N12

**Modul PBD** 1 – 42

**BIDANG 5: INSAN BERMORAL**

**UNIT 1 Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan** 1

PowerPoint

- Norma Masyarakat (Video) 1
- Contoh Norma Masyarakat 1
- Kepentingan Amalan Norma Masyarakat 2
- Kesan Pengabaian Norma Masyarakat 2
- Amalan Norma Masyarakat dalam Kehidupan Harian (PAK-21, Cetus idea, Sivik) 3

**UNIT 2 Peribadi Mulia Hiasan Diri** 4

PowerPoint

- Ciri Individu yang Berkeperibadian Mulia 4
- Cara Mempraktikkan Keperibadian Mulia 4
- Kepentingan Keperibadian Mulia 5
- Perbandingan Tingkah Laku Berkeperibadian Mulia dengan Bukan Keperibadian Mulia (PAK-21, Cetus idea) 5
- Mengamalkan Berkeperibadian Mulia dalam Kehidupan Harian (Info) 6

**UNIT 3 Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan** 7

PowerPoint

- Prinsip Keadilan dan Prinsip Keprihatinan 7
- Kepentingan Membuat Keputusan (PAK-21) 8
- Contoh Strategi Penyelesaian Konflik 8
- Tindakan yang Wajar Berdasarkan Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Kehidupan Harian (PAK-21, Cetus idea, Sivik) 9

**UNIT 4 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika** 10

PowerPoint

- Etika Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 10
- Kepentingan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika 10
- Contoh Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika (Info) 11
- Kesan Pengabaian Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika 12
- Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika dalam Kehidupan Harian (Sivik, Cetus idea, Info) 12

**BIDANG 6: JATI DIRI MORAL**

**UNIT 5 Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri** 14

PowerPoint

- Maksud Integriti Individu 14
- Kepentingan Integriti Individu 14
- Implikasi Perbuatan Individu Tidak Berintegriti 15
- Penekanan Sikap Integriti Menurut Perspektif Agama (Sivik) 15
- Mengamalkan Integriti Individu dalam Kehidupan Harian (PAK-21, Cetus idea, Info) 16

**UNIT 6 Keluarga Berintegriti Keluarga Disegani** 17

PowerPoint

- Ciri Integriti Keluarga 17
- Contoh Integriti Keluarga 17
- Cara Memupuk Integriti Keluarga 18
- Implikasi Perbuatan yang Tidak Berintegriti terhadap Anggota Keluarga (Info) 18
- Amalan Integriti dalam Keluarga 19


© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

**UNIT 7 Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera** 20

ePP+ PowerPoint

- Perlakuan Berperikemanusiaan (Cetus idea) 20
- Kepentingan Berperikemanusiaan 21
- Kesan Pengabaian Sikap Berperikemanusiaan 21
- Mengamalkan Sikap Berperikemanusiaan dalam Kehidupan Harian (ePP+ Sivik) 22

**BIDANG 7: MORAL DAN KENEGARAAN**

**UNIT 8 Hak dan Tanggungjawab Warganegara** 23

ePP+ PowerPoint

- Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara 23
- Kepentingan Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara (Info) 24
- Kesan Pengabaian Hak dan Tanggungjawab 24
- Batasan Hak sebagai Warganegara 25
- Amalan Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara dalam Kehidupan Harian 25
  (Sivik, Cetus idea, Video, ePP+ PAK-21)

**UNIT 9 Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara** 27

ePP+ PowerPoint

- Contoh Amalan Perpaduan (Video) 27
- Peranan Agensi Kerajaan yang Memupuk Semangat Perpaduan (ePP+ PAK-21) 28
- Kepentingan Amalan Perpaduan dalam Masyarakat Majmuk 29
- Cabaran dalam Membentuk Amalan Perpaduan (ePP+ Sivik) 29
- Amalan Hidup Bersatu Padu dalam Kehidupan Harian (Cetus idea) 30

**UNIT 10 Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika** 31

ePP+ PowerPoint

- Maksud Perbelanjaan Beretika 31
- Cara Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika 31
- Kepentingan Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika (Cetus idea, Info) 32
- Kesan Perbelanjaan Tidak Beretika (PAK-21, Info) 33
- Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika dalam Kehidupan Harian 34

**UNIT 11 Keunikan Rakyat Malaysia** 35

ePP+ PowerPoint

- Keunikan Rakyat Malaysia 35
- Kepentingan Keunikan Rakyat Malaysia 36
- Cabaran Keunikan Rakyat Malaysia 36
- Strategi Mengekalkan Keunikan Rakyat Malaysia (Video, ePP+ PAK-21) 37
- Mengekalkan Keunikan Rakyat Malaysia dalam Kehidupan Seharian (PAK-21) 37

**UNIT 12 Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama** 39

ePP+ PowerPoint

- Ciri Negara Berdaulat (Cetus idea) 39
- Kepentingan Mempertahankan Kedaulatan Negara 40
- Cabaran Mengekalkan Kedaulatan Negara (Video) 40
- Kesan Pengabaian Tanggungjawab Mempertahankan Kedaulatan Negara (Sivik, Info) 41
- Menjalankan Tanggungjawab untuk Mempertahankan Kedaulatan Negara (ePP+ Sivik) 42

**Modul SPM** 43 – 100

- Ujian 1
- Ujian 2
- Ujian 3
- Ujian 4
- Ujian 5
- Ujian 6
- Pentaksiran Akhir Tahun


**JAWAPAN**

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/PMoralT4/Jawapan.pdf

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# REKOD PENTAKSIRAN MURID

## PENDIDIKAN MORAL Tingkatan 4

*Nama:* ______________________ *Tingkatan:* ______________________

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUSASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **BIDANG 5: INSAN BERMORAL** | | | | | |
| **1** NORMA MASYARAKAT PEMANGKIN KESEJAHTERAAN | TP1 | Menyatakan maksud norma masyarakat. | 1 | | |
| | TP2 | Menerangkan contoh norma masyarakat. | 1 | | |
| | TP3 | Menilai kepentingan amalan norma masyarakat. | 2 | | |
| | TP4 | Menganalisis kesan pengabaian norma masyarakat. | 2 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan norma masyarakat dalam kehidupan harian. | 3 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | 3 | | |
| *Tahap Penguasaan Unit 1* | TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐ | | | | |
| **2** PERIBADI MULIA HIASAN DIRI | TP1 | Menyatakan ciri individu yang berkeperibadian mulia. | 4 | | |
| | TP2 | Menerangkan cara mempraktikkan keperibadian mulia. | 4 | | |
| | TP3 | Menilai kepentingan mempunyai keperibadian mulia. | 5 | | |
| | TP4 | Menganalisis keperibadian mulia dan bukan keperibadian mulia. | 5 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian. | 6 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | 6 | | |
| *Tahap Penguasaan Unit 2* | TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐ | | | | |
| **3** PRINSIP KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN | TP1 | Menyatakan contoh prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan. | 7 | | |
| | TP2 | Menerangkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan. | 7 | | |
| | TP3 | Menilai kepentingan membuat keputusan antara prinsip keadilan dan keprihatinan. | 8 | | |
| | TP4 | Menganalisis keutamaan antara prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan dalam membuat pertimbangan berdasarkan situasi. | 8 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian. | 9 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi. | 9 | | |
| *Tahap Penguasaan Unit 3* | TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐ | | | | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# NILAI UNIVERSAL BAGI KSSM PENDIDIKAN MORAL

| Nilai | Maksud Nilai |
|---|---|
| **Kepercayaan kepada Tuhan** | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| **Bertanggungjawab** | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| **Berdikari** | Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. |
| **Harga diri** | Berupaya menjaga maruah diri. |
| **Kerajinan** | Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| **Berterima kasih** | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| **Patriotisme** | Bangga dan taat setia kepada raja dan negara. |
| **Kebebasan** | Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang. |
| **Keberanian** | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |
| **Kejujuran** | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |
| **Rasional** | Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar. |
| **Baik hati** | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| **Hemah tinggi** | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia. |
| **Hormat** | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial. |
| **Kasih sayang** | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |
| **Kerjasama** | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| **Kesederhanaan** | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| **Toleransi** | Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# NOTA EKSPRES

## UNIT 1 Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan

NOTA PETA MINDA

**Cadangan nilai:**
- Kesederhanaan
- Hemah tinggi
- Kebebasan
- Toleransi
- Hormat

### Konsep Norma Masyarakat

**1.** Norma masyarakat merujuk kepada perilaku atau tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya.

**2.** Norma masyarakat merangkumi:
- (a) Peraturan sosial yang dibentuk secara sedar atau tidak sedar tentang sesuatu perkara sehingga menjadi kebiasaan
- (b) Perbuatan yang wajar dilakukan dan patut dihindari dalam kehidupan bermasyarakat
- (c) Amalan agama
- (d) Tingkah laku yang dianggap wajar dan diterima dalam masyarakat
- (e) Menyesuaikan diri dengan peraturan yang telah ditetapkan

**3.** Norma masyarakat dapat membentuk:
- (a) Interaksi yang baik dalam masyarakat yang berbilang kaum
- (b) Individu agar saling menghormati antara satu sama lain
- (c) Individu agar hidup harmoni dalam sesebuah masyarakat
- (d) Insan bermoral

### Contoh Norma Masyarakat

**1.** Menghormati orang yang lebih tua

**2.** Mengetuk pintu sebelum masuk ke rumah atau bilik

**3.** Beratur semasa menaiki pengangkutan awam seperti bas, MRT dan LRT

**4.** Memakai pakaian yang kemas dan sopan

**5.** Mengamalkan adat dan tradisi

**6.** Amalan bergotong-royong dalam penyediaan makanan

**7.** Duduk ketika makan



*Duduk ketika makan*

### Kepentingan Amalan Norma Masyarakat

**1.** Sebagai panduan bertingkah laku baik
- – Membantu masyarakat memahami dan mengamalkan tingkah laku yang diterima umum

**2.** Membentuk masyarakat yang teratur
- – Membuat keputusan dan mengambil tindakan yang sesuai dengan norma masyarakat

**3.** Membina masyarakat yang harmoni
- – Mengelakkan sebarang perselisihan dengan menjaga tingkah laku dan interaksi sosial

**4.** Sebagai ukuran bertingkah laku
- – Amalan norma masyarakat yang diterima menjadi ukuran sesebuah masyarakat

### Kesan Pengabaian Norma Masyarakat

**1.** Bersikap individualistik
- (a) Mementingkan diri sendiri
- (b) Kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial

**2.** Manusia kurang beradab
- (a) Berkomunikasi dengan cara yang tidak sopan
- (b) Menggunakan bahasa badan yang tidak menyenangkan

**3.** Hubungan sosial terjejas
- (a) Mengabaikan orang yang lebih tua
- (b) Pergaulan di luar batasan

**4.** Menjejaskan keharmonian masyarakat
- (a) Mengejek cara berpakaian orang lain
- (b) Tidak menghormati agama, budaya dan kepercayaan kaum lain

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 2 Peribadi Mulia Hiasan Diri

**Cadangan nilai:**
- Kepercayaan kepada Tuhan
- Hemah tinggi
- Keberanian
- Harga diri
- Kejujuran

## Maksud Keperibadian Mulia

1. Keperibadian mulia merujuk kepada sifat baik dan terpuji yang dimiliki oleh individu.
2. Keperibadian mulia dapat dibentuk melalui latihan serta amalan kesederhanaan dalam kehidupan harian.

## Ciri-ciri Berkeperibadian Mulia

1. Sabar dan tenang ketika menghadapi kesukaran
2. Berpegang teguh pada nilai moral
3. Tidak keterlaluan dalam pemikiran, pertuturan dan perlakuan
4. Ikhlas dan jujur dalam tindakan
5. Berusaha bersungguh-sungguh
6. Melakukan kebaikan tanpa mengharapkan balasan

## Cara Mempraktikkan Keperibadian Mulia

| | |
|---|---|
| Diri | • Menjaga batasan pergaulan<br>• Bersikap pemaaf<br>• Berani mengakui kesilapan diri |
| Keluarga | • Bersederhana dalam menyambut hari istimewa<br>• Mendapatkan sokongan ibu bapa dalam kehidupan |
| Rakan sebaya | • Menegur kesalahan rakan dengan cara yang baik<br>• Memberikan bantuan dengan ikhlas |
| Masyarakat | • Membantu mangsa bencana<br>• Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan |
| Negara | • Mengharumkan nama negara<br>• Mengelakkan diri daripada menyebarkan fitnah |



*Sikap keperibadian mulia terhadap haiwan*

## Kepentingan Berkeperibadian Mulia

1. Disenangi ramai dan dipandang mulia
2. Menjadi suri teladan
3. Memberikan ketenangan jiwa
4. Dapat mencapai matlamat hidup
5. Sentiasa melakukan perkara yang positif
6. Menjamin kebahagiaan dalam kehidupan

## Perbandingan Tingkah Laku Berkeperibadian Mulia dengan Bukan Keperibadian Mulia

| Berkeperibadian mulia | Bukan berkeperibadian mulia |
|---|---|
| Sanggup hadapi cabaran dalam kehidupan | Mudah berputus asa |
| Sentiasa bersyukur | Khianat dan bersangka buruk |
| Berjimat cermat dalam perbelanjaan | Tamak dan boros |
| Bekerjasama dan saling menolong | Mementingkan diri sendiri |
| Amanah | Tidak jujur |
| Sederhana dalam perlakuan dan pertuturan | Pemarah dan tidak sabar, suka menipu |

## Kesan Pengabaian Ciri Berkeperibadian Mulia

1. Mudah terlibat dalam gejala negatif
2. Dipandang rendah oleh masyarakat
3. Hubungan dengan rakan sebaya menjadi renggang
4. Nilai kehidupan dan harga diri terjejas

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 3 Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan

**Cadangan nilai:**
- Rasional
- Baik hati
- Kejujuran
- Keberanian
- Kasih sayang

## Prinsip Keadilan

**1.** Konsep:
(a) Sikap dan tingkah laku untuk menegakkan kesaksamaan dengan keseimbangan dalam pemikiran, pertuturan, perasaan dan perlakuan
(b) Melibatkan perbuatan adil terhadap diri dan orang lain
(c) Nilai asas dalam membuat keputusan untuk sesuatu dilema moral

**2.** Contoh:
(a) Memberi layanan yang sama rata kepada semua orang tanpa mengira sosioekonomi
(b) Bersikap adil dalam mengagihkan bantuan kepada golongan yang berkeperluan



*Kemudahan untuk golongan OKU*

(c) Bersikap tidak berat sebelah dalam pemberian ganjaran atau hukuman
(d) Menghormati hak individu yang ditetapkan dalam undang-undang negara
(e) Bersikap rasional dengan membuat pertimbangan moral

## Prinsip Keprihatinan

**1.** Konsep:
(a) Perlakuan yang memberikan pertimbangan moral dalam melaksanakan peranan atau kewajipan
(b) Mempertimbangkan kepentingan orang lain
(c) Nilai asas dalam membuat keputusan untuk sesuatu situasi berperikemanusiaan

**2.** Contoh:
(a) Menjaga kebajikan orang lain melebihi kepentingan diri sendiri dengan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan
(b) Mempunyai sikap kepedulian terhadap golongan gelandangan dan haiwan yang dianiaya
(c) Bersikap pemurah dalam memberikan bantuan kewangan atau meluangkan masa untuk membantu orang lain
(d) Menunjukkan sikap berperikemanusiaan terhadap mangsa bencana dan golongan kurang bernasib baik
(e) Menunjukkan kasih sayang sesama insan serta flora dan fauna

## Kepentingan Membuat Keputusan

**1.** Prinsip keadilan:
(a) Menjaga kepentingan orang lain
(b) Menjaga hak kemanusiaan
(c) Mengelakkan perselisihan faham
(d) Membela nasib golongan lemah atau golongan yang ditindas

**2.** Prinsip keprihatinan:
(a) Mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan
(b) Menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat
(c) Memastikan semua lapisan masyarakat mendapat keprihatinan yang sewajarnya

## Strategi Penyelesaian Konflik

**1.** Mengenal pasti konflik atau permasalahan yang timbul

**2.** Membuat pertimbangan moral

**3.** Membuat keputusan dalam pemilihan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan

**4.** Justifikasi kewajaran dalam membuat keputusan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 4 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

**Cadangan Nilai:**
- Rasional
- Harga diri
- Kerajinan
- Kebebasan
- Kesederhanaan

## Konsep Teknologi Maklumat dan Komunikasi

1. Teknologi maklumat dan komunikasi merupakan sistem yang membolehkan pengumpulan, pengurusan, manipulasi, perolehan dan komunikasi maklumat dalam pelbagai bentuk.
2. Teknologi maklumat dan komunikasi ini patut digunakan secara beretika.

## Etika Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

1. Berkomunikasi secara berhemah dalam talian
2. Tidak memuat naik sebarang bahan tanpa keizinan
3. Tidak menyebarkan maklumat palsu yang boleh menggugat keamanan
4. Tidak menceroboh dan menyebarkan virus yang boleh melumpuhkan sistem
5. Tidak mengeksploitasi data peribadi orang lain
6. Berintegriti dalam memberikan maklumat

## Kepentingan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

1. Mempelbagaikan perkhidmatan dalam talian
   (a) Tidak perlu bersesak-sesak di kaunter
   (b) Pelbagai pilihan transaksi dalam talian
   (c) Lebih mesra pengguna
2. Meningkatkan hubungan sosial
   (a) Komunikasi secara maya dengan sesiapa sahaja
   (b) Mengeratkan hubungan
   (c) Mewujudkan jaringan
3. Menjana ekonomi
   (a) Menyediakan peluang perniagaan
   (b) Menyediakan peluang perkhidmatan
   (c) Promosi boleh dilakukan dengan meluas
   (d) Penjualan dan pembelian secara dalam talian
4. Meningkatkan kualiti pendidikan
   (a) Cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih inovasi
   (b) Menjimatkan masa dan wang
   (c) Menarik minat murid
5. Perkongsian maklumat
   (a) Pelbagai maklmut dapat diperoleh dengan mudah
   (b) Penyelidikan dan pembelajaran lebih sistematik
   (c) Maklumat dapat disebar luas
6. Menjimatkan kos dan masa
   (a) Menjimatkan pelbagai kos seperti panggilan telefon
   (b) Perbincangan secara telesidang
   (c) Meminimumkan sumber tenaga manusia

## Contoh Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

1. Menggunakan e-mel dengan bijak dan berhati-hati
2. Mengiklankan barangan dan perkhidmatan dengan berintegriti
3. Muat turun bahan setelah mendapat kebenaran yang sah
4. Tidak memuat naik atau memuat turun bahan negatif

## Kesan Pengabaian Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

1. Maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan orang lain
2. Risiko data digodam dan terdedah kepada buli siber
3. Serangan virus yang menjejaskan sistem komputer
4. Terdedah kepada bahan negatif yang dapat meningkatkan gejala sosial
5. Ketagihan penggunaan sehingga menjejaskan masa berkualiti

## Kebaikan Menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

1. Mengelakkan individu daripada terasing dalam kalangan masyarakat
2. Berasa gembira dan bangga

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 1

# Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan

Nilai Teras Sivik | Kegembiraan

## PBD Norma Masyarakat

Buku Teks ms. 4

**1.** Norma masyarakat merupakan panduan individu bertingkah laku baik. Lengkapkan ayat di bawah tentang norma masyarakat.

SP 5.1.1 **TP 1**

ePP+ POWERPOINT

| sosial | amalan | dihindari | menyesuaikan | |
|---|---|---|---|---|
| kebiasaan | wajar | akur | agama | perilaku |

(a) Norma masyarakat merujuk kepada ___perilaku___ atau tindakan yang diterima sebagai ___amalan___ dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya.

(b) Norma masyarakat merupakan peraturan ___sosial___ yang dibentuk secara sedar atau tidak sedar sehingga menjadi ___kebiasaan___.

(c) Amalan norma masyarakat merangkumi perbuatan yang ___wajar___ dilakukan dan patut ___dihindari___ dalam kehidupan bermasyarakat.

(d) Amalan ___agama___ menjadi sebahagian daripada norma masyarakat.

(e) Kita harus ___akur___ dan dapat ___menyesuaikan___ diri dengan peraturan yang telah ditetapkan.

VIDEO
Etika Menaiki Bas

## PBD Contoh Norma Masyarakat

Buku Teks ms. 5

**2.** Selain mengetuk pintu sebelum masuk, senaraikan **empat** contoh norma masyarakat yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia.

SP 5.1.2 **TP 2**

(a) Menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah

(b) Menggunakan tangan kanan untuk menerima dan memberi barang

(c) Duduk ketika makan

(d) Beratur ketika menaiki bas

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PBD Kepentingan Amalan Norma Masyarakat

*Buku Teks ms. 6*

**3.** Huraikan kepentingan amalan norma masyarakat dalam kehidupan seharian. **TP 3**

**SP 5.1.3**

| Kepentingan | Huraian |
|---|---|
| (a) Sebagai panduan bertingkah laku | Membantu dan mengawal anggota masyarakat agar dapat memahami dan mengamalkan tingkah laku yang diterima dalam masyarakat. |
| (b) Membentuk masyarakat yang teratur | Individu yang membuat keputusan dan mengambil tindakan yang sesuai dengan norma masyarakat mampu melahirkan masyarakat yang teratur. |
| (c) Membina masyarakat yang harmoni | Anggota masyarakat yang sentiasa menjaga tingkah laku dan interaksi sosial yang baik dapat menghindari sebarang perselisihan. |
| (d) Sebagai ukuran bertingkah laku | Amalan norma yang diakui dan diterima akan menjadi ukuran sesebuah masyarakat. |

## PBD Kesan Pengabaian Norma Masyarakat

*Buku Teks ms. 7*

**4.** Terangkan kesan pengabaian norma masyarakat dalam kalangan rakyat. **TP 4**

**SP 5.1.4**

(a) Bersikap individualistik
- (i) Kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial
- (ii) Tindakan berdasarkan keinginan diri sendiri sahaja

(b) Manusia kurang beradab
- (i) Menggunakan bahasa badan yang kurang menyenangkan
- (ii) Cara berkomunikasi kurang sopan dalam kalangan remaja

(c) Hubungan sosial terjejas
- (i) Pergaulan di luar batasan
- (ii) Meminggirkan orang yang lebih tua

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PBD Amalan Norma Masyarakat dalam Kehidupan Seharian

**5.** Maklumat di bawah berkaitan dengan suasana yang berlaku di kantin sekolah. **TP 5**

SP 5.1.5 KBAT Menilai

MAHIR SPM

> Aiman sedang beratur untuk membeli nasi ayam di kantin sekolah. Farid meminta Aiman supaya menolongnya membeli nasi ayam kerana dia malas untuk beratur.

Apakah perasaan anda sekiranya anda beratur di belakang Aiman? Huraikan alasan anda.

Saya akan berasa marah. Tindakan Farid adalah tidak adil bagi semua murid lain yang sedang beratur untuk membeli nasi ayam. Farid hanya mementingkan diri tanpa menghiraukan perasaan murid lain. Aiman akan dimarahi oleh murid lain sekiranya menolong Farid membeli nasi ayam.

**6.** Bagaimanakah anda mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan seharian di sekolah? **TP 6**

SP 5.1.6 KBAT Mengaplikasi

| Cara-cara mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan seharian di sekolah |
| --- |
| (a) Bersopan santun apabila bercakap dengan guru dan rakan-rakan |
| (b) Meminta rakan mengangkat tangan sebelum bertanyakan soalan |
| (c) Membantu rakan yang kurang mementingkan amalan norma masyarakat |
| (d) Memohon maaf kepada guru dan rakan jika membuat kesilapan |
| (e) Membuang sampah ke dalam tong sampah |

## AKTIVITI PAK-21 ▷ Meja Bulat

**Tajuk:** Perubahan norma masyarakat

1. Secara berkumpulan, bincangkan perubahan norma masyarakat antara zaman dahulu dengan masa kini.
2. Bincangkan sebab berlaku perubahan norma masyarakat.
3. Secara bergilir, murid menulis satu idea menggunakan pen dan kertas yang sama.
4. Hasil dapatan dibentang di hadapan kelas.

CETUS IDEA

*Tahap Penguasaan Unit 1* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 4 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

Nilai Teras Sivik Kegembiraan

## PBD Etika Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Buku Teks ms. 46

ℯP+ POWERPOINT

**1.** Tandakan (✓) pada cara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang beretika. **TP 1**

SP 5.4.1

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Semak sebelum menyebarkan maklumat. | ✓ |
| (b) | Muat turun bahan tanpa kebenaran pemilik. | |
| (c) | Menceroboh masuk ke dalam sistem komputer orang lain. | |
| (d) | Berkomunikasi secara berhemah dalam talian. | ✓ |
| (e) | Tidak mengeksploitasi data peribadi orang lain. | ✓ |
| (f) | Berkongsi kata laluan e-mel dengan orang lain. | |

## PBD Kepentingan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

Buku Teks ms. 47

**2.** Isi tempat kosong untuk memahami kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika. **TP 2**

SP 5.4.2

| Kepentingan | Huraian |
|---|---|
| (a) Meningkatkan kualiti pendidikan | (i) Menjimatkan masa dan wang.<br>(ii) Mampu menarik minat murid. |
| (b) Mempelbagaikan perkhidmatan dalam talian | (i) Perkhidmatan yang lebih mesra pengguna.<br>(ii) Pengguna tidak perlu bersesak-sesak di kaunter. |
| (c) Meningkatkan hubungan sosial | (i) Memudahkan komunikasi secara maya dengan sesiapa sahaja.<br>(ii) Mengeratkan hubungan. |
| (d) Menjanakan ekonomi | (i) Penjualan dan pembelian secara dalam talian.<br>(ii) Menyediakan peluang perniagaan dan perkhidmatan. |
| (e) Perkongsian maklumat | (i) Pelbagai maklumat dapat diperoleh dengan mudah.<br>(ii) Kerja penyelidikan dan pembelajaran dapat dibuat dengan sistematik. |
| (f) Menjimatkan kos dan masa | (i) Mesyuarat dapat diadakan secara telesidang.<br>(ii) Penggunaan sumber tenaga manusia dapat diminimumkan. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PBD Contoh Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

*Buku Teks ms. 48*

**3.** Huraikan contoh cara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika. **TP 3**

**SP** 5.4.3

(a) Penggunaan pengiklanan

(i) Mengiklankan barang dan perkhidmatan yang tidak menyalahi undang-undang

(ii) Berintegriti supaya pengguna tidak berasa tertipu

(iii) Bersaing secara sihat

(b) Penggunaan akaun e-mel

(i) Merahsiakan nama pengguna dan kata laluan

(ii) Tidak memberikan maklumat palsu semasa pendaftaran

(iii) Menggunakan e-mel dengan bijak

(c) Memuat turun dan memuat naik

(i) Mendapatkan kebenaran daripada pemilik

(ii) Tidak memuat turun atau memuat naik bahan negatif

(iii) Tidak memuat turun atau memuat naik perisian tidak berlesen

INFO

Hak Cipta

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PBD Kesan Pengabaian Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

*Buku Teks ms. 49*

**4.** Huraikan kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.

SP 5.4.4 TP 4

| Kesan | Huraian |
|---|---|
| (a) Maklumat yang tidak tepat | (i) Mengelirukan orang lain<br>(ii) Menimbulkan fitnah |
| (b) Isu keselamatan | (i) Terdedah kepada buli siber<br>(ii) Penggodam mencuri data peribadi |
| (c) Serangan virus | (i) Menjejaskan sistem komputer<br>(ii) Melumpuhkan sesebuah organisasi |
| (d) Terdedah kepada bahan negatif | (i) Meningkatkan gejala sosial<br>(ii) Mempengaruhi pemikiran murid |

## PBD Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika dalam Kehidupan Harian

**5.** Jawab soalan yang berikutnya berdasarkan situasi diberi.

SP 5.4.5 5.4.6 TP 5 TP 6

KBAT Menilai

MAHIR SPM

**Situasi A**

Daniel suka menulis blog untuk mencatat kehidupan sehariannya. Dia sering merakam gambar dan berkongsi dalam blognya. Pada suatu hari, Daniel mendapati gambar yang dirakamnya telah digunakan oleh seorang individu untuk menyertai pertandingan tanpa kebenarannya.

Pada pandangan anda, apakah perasaan Daniel? Jelaskan tindakan yang patut diambil oleh Daniel.

Daniel akan berasa marah. Karyanya telah digunakan oleh individu lain tanpa mendapat kebenaran daripadanya. Daniel boleh menghubungi pihak penganjur pertandingan dan memberitahu kebenaran. Daniel juga boleh menunjukkan gambar asal dalam kamera atau telefonnya sebagai bukti.

**Situasi B**

Ramai pengguna Internet enggan membayar untuk mendengar lagu-lagu kegemaran. Malah, mereka menggunakan aplikasi khas untuk memuat turun lagu-lagu kegemaran tanpa mendapat kebenaran pemilik.

Pada pandangan anda, patutkah perbuatan di atas diberi perhatian? Mengapa? Berikan pendirian anda berdasarkan alasan yang kukuh.

Perbuatan di atas harus diambil perhatian. Hal ini demikian kerana tindakan memuat turun karya tanpa pengetahuan pemilik adalah perbuatan yang tidak beretika dan melanggar undang-undang. Pelaku harus diberi hukuman untuk mengubah sikapnya. Selain itu, tindakan di atas perlu diberi perhatian supaya hak para pencipta karya dilindungi apabila pengguna membayar yuran keahlian untuk mendengar lagu. Hal ini dapat menggalakkan pencipta karya untuk terus mencipta karya-karya baharu.

**INFO**

**Scam atas Talian, Jenayah Utama Abad ke-21**

## PENDIDIKAN SIVIK

**Nilai teras**: Bertanggungjawab
**Tajuk**: Ancaman dan kebimbangan siber
**Konteks**: Diri, keluarga, masyarakat dan negara

**CETUS IDEA**

**Literasi sivik**
Pengetahuan: Menyatakan jenis-jenis penipuan siber
Sosioekonomi: Mengekspresikan perasaan bangga apabila dapat menangani isu penipuan siber
Tindakan: Mengambil tindakan yang wajar dalam menangani isu penipuan siber

**Aktiviti:**

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menghasilkan poster bertemakan penipuan siber.
2. Poster tersebut mestilah menunjukkan ancaman siber seperti *phishing, spoofing,* pencurian data, penipuan e-dagang dan lain-lain.
3. Tampalkan poster yang telah siap di sudut Pendidikan Moral.

| *Tahap Penguasaan Unit 4* | TP 1 | | TP 2 | | TP 3 | | TP 4 | | TP 5 | | TP 6 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UNIT 12 Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama

Nilai Teras Sivik: Hormat-menghormati

## PBD Ciri Negara Berdaulat

Buku Teks ms. 168 – 169

ePP+ POWERPOINT

**1.** Apakah yang dimaksudkan dengan negara berdaulat?

Negara berdaulat ialah negara yang bebas daripada penjajahan dan berupaya untuk menguruskan hal ehwal negara secara bebas tanpa campur tangan daripada mana-mana negara lain.

**2.** Nyatakan ciri-ciri negara berdaulat. TP 1

SP 7.5.1

i-Think Peta Dakap

**Ciri-ciri negara berdaulat**

- Merdeka
  - Membuat keputusan sendiri tanpa campur tangan daripada negara lain
  - Mempunyai pentadbiran sendiri
- Beridentiti nasional
  - Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
  - Mempunyai lambang sendiri seperti jata negara, bendera rasmi dan lagu kebangsaan
- Bermaruah dan berwibawa
  - Warganegara yang berkualiti
  - Kuasa politik yang stabil
- Bebas daripada pengaruh luar
  - Keamanan dan keselamatan rakyat terpelihara
  - Keunikan budaya dapat dikekalkan
- Berstruktur pemerintahan sendiri
  - Mengamalkan pemerintahan Raja Berperlembagaan
  - Mengamalkan sistem demokrasi berparlimen

CETUS IDEA

## PBD Kepentingan Mempertahankan Kedaulatan Negara

*Buku Teks ms. 170*

**3.** Padankan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara dengan huraian yang betul. **TP 2**

**SP** 7.5.2

| | |
|---|---|
| Meningkatkan semangat cinta akan negara | Memberikan sumbangan kepada pembangunan negara |
| Mengekalkan kemerdekaan negara | Tidak terpengaruh dengan anasir subversif |
| Maruah negara terpelihara | Cinta dan setia akan raja dan negara |
| Mengukuhkan keharmonian negara | Pemerintahan mengikut acuan sendiri |
| Mengekalkan kestabilan politik | Sistem pemerintahan yang stabil |

## PBD Cabaran Mengekalkan Kedaulatan Negara

*Buku Teks ms. 171*

**4.** Nyatakan cabaran dalam mengekalkan kedaulatan negara. **TP 3**

**SP** 7.5.3

**VIDEO**

Korporat ATM

**Cabaran mengekalkan kedaulatan negara**

- Tindakan kuasa besar mencabar kedaulatan negara
- Generasi muda kurang semangat cinta akan negara
- Ketidakseimbangan taraf ekonomi dan sosial dalam kalangan rakyat
- Penularan berita palsu
- Mudah terpedaya dengan hasutan dalam dan luar negara

# PBD Kesan Pengabaian Tanggungjawab Mempertahankan Kedaulatan Negara

*Buku Teks ms. 171*

**5.** Huraikan kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara. **TP 4**

**SP** 7.5.4

**Kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara**

- Tradisi dan norma masyarakat semakin dilupakan
  - Rakyat mengagungkan budaya luar
- Perpaduan dan keharmonian terjejas
  - Rakyat saling bermusuhan
- Ketidakstabilan politik negara
  - Sistem pemerintahan tergugat
- Campur tangan kuasa luar
  - Negara tidak aman
- Aktiviti ekonomi negara terjejas
  - Pembangunan negara terjejas

## PENDIDIKAN SIVIK

**Nilai teras**: Hormat-menghormati
**Tajuk**: Menghormati dasar sesebuah negara
**Konteks**: Diri dan negara

**INFO**
**Menghormati Lambang-lambang Kebesaran Negara**

**Literasi sivik**
Pengetahuan: Menyatakan pelbagai lambang negara seperti bendera, lagu, jata, bunga dan Rukun Negara
Sosioekonomi: Mengekspresikan semangat patriotik terhadap negara
Tindakan: Mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara

**Aktiviti:**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan diberikan beberapa situasi yang berbeza.
3. Setiap ahli bercerita kepada ahli kumpulan mereka tentang cara mereka menjujung tinggi dan mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam menghadapi situasi yang diberi.
4. Ahli lain akan memberikan respons dengan menilai jawapan ahli yang bercerita.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PBD Menjalankan Tanggungjawab untuk Mempertahankan Kedaulatan Negara

ePP+ PENDIDIKAN SIVIK

**6.** Anda seorang pegawai polis marin yang telah berjaya menangkap lanun di perairan negara. Jelaskan emosi moral anda. **TP 5**

SP 7.5.5
KBAT Menilai

MAHIR SPM

Gembira. Saya dapat menjaga keselamatan negara. Dengan itu, keamanan negara terjamin. Kesannya, imej negara akan meningkat. Selain itu, kadar jenayah juga dapat dikurangkan.

**7.** Jelaskan sebab tindakan tersebut diambil bagi setiap situasi di bawah. **TP 6**

SP 7.5.6
KBAT Menganalisis

**Kad A**
*Anda menyedari kebanjiran pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di kawasan penempatan anda. Tambahan pula, pelbagai kes kecurian sering berlaku kebelakangan ini. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, anda telah membuat laporan polis.*

Alasan:

Menjaga keamanan kawasan setempat. Dengan ini, dapat mengurangkan kes jenayah yang berlaku. Penduduk juga akan berasa selamat. Selain itu, harta benda penduduk setempat terpelihara.

**Kad B**
*Aktiviti penyeludupan tenggiling kerap berlaku di sempadan negara. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab, anda telah menahan penyeludup tersebut.*

Alasan:

Mengelakkan kepupusan tenggiling. Dengan ini ekosistem akan terpelihara. Selain itu, mengelakkan kes penyeludupan haiwan terus berlaku. Pada masa yang sama dapat memberikan pengajaran kepada pesalah dan orang ramai.

**Kad C**
*Pencerobohan lanun kerap berlaku di perairan negara. Hal ini menyebabkan penguat kuasa telah mengetatkan rondaan bagi mengekang tindakan lanun tersebut.*

Alasan:

Mengelakkan hasil laut negara dicuri. Hal ini kerana kecurian akan menyebabkan pendapatan nelayan tempatan berkurang. Tindakan itu juga dapat memastikan keselamatan nelayan tempatan terjamin. Seterusnya, dapat memastikan kes jenayah dalam negara dapat dikurangkan.

*Tahap Penguasaan Unit 12* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# MODUL SPM


| UJIAN | SKOP | HALAMAN |
|---|---|---|
| **UJIAN 1** | Unit 1 – Unit 2 | 44 – 50 |
| **UJIAN 2** | Unit 3 – Unit 4 | 51 – 58 |
| **UJIAN 3** | Unit 5 – Unit 6 | 59 – 66 |
| **UJIAN 4** | Unit 7 – Unit 8 | 67 – 74 |
| **UJIAN 5** | Unit 9 – Unit 10 | 75 – 82 |
| **UJIAN 6** | Unit 11 – Unit 12 | 83 – 90 |
| **PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN** | Unit 1 – Unit 12 | 91 – 100 |







© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN 1

Skor /80

## BAHAGIAN A

**1.** Gambar di bawah menunjukkan permainan tradisional dan permainan masa kini.

UNIT 1



Permainan tradisional



Permainan masa kini

*(Sumber: Lukisan artis)*

(a) Selain permainan tradisional di atas, senaraikan **dua** permainan tradisional di Malaysia.

J1 Wau

J2 Batu seremban

[2 *markah*]

(b) Mengapakah permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi muda?

F1 Tiada pakar boleh dirujuk

H1 Tiada orang tua mahir dalam permainan tradisional

F2 Kekurangan gelanggang untuk permainan tradisional

H2 Kawasan lapang telah dibina menjadi kawasan kediaman / pejabat

[4 *markah*]

(c) Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk memupuk minat anak-anak dalam permainan tradisional.

F1 Meluangkan masa untuk mengajar anak bermain permainan tradisional

H1 Membawa anak bermain gasing

F2 Menggalakkan anak mengajak rakan untuk bermain bersama

H2 Menyediakan congkak / batu seremban di rumah

[4 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

UNIT 2

**2.** Gambar di bawah menunjukkan tindakan yang tidak berkeperibadian mulia.




*(Sumber: Lukisan artis)*

(a) Senaraikan **dua** ciri individu yang berkeperibadian mulia.

J1 Berpegang teguh pada nilai moral

J2 Sabar dan tenang menghadapi kesukaran

[2 *markah*]

(b) Sekiranya anda ternampak situasi dalam gambar di atas, huraikan tindakan anda untuk membantu rakan perempuan tersebut.

F1 Menasihati kedua-dua orang murid yang membuli

H1 Menjelaskan kesan negatif melakukan buli terhadap rakan

F2 Melaporkan kepada guru disiplin

H2 Memberitahu tempat rakan perempuan itu dibuli

[4 *markah*]

(c) Pada pandangan anda, bagaimanakah seseorang murid dapat menunjukkan sikap berkeperibadian mulia semasa berada di sekolah?

F1 Menunjukkan sikap bersopan santun semasa berkomunikasi

H1 Menggunakan nada suara yang lembut untuk bercakap

F2 Membantu rakan yang memerlukan pertolongan

H2 Memberikan penjelasan lanjut kepada rakan apabila rakan kurang faham dengan jawapan yang diterangkan oleh guru

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN B

UNIT 1

**3.** Soalan di bawah berkaitan dengan kemudahan OKU.

> **"Dakwa individu salah guna kemudahan OKU"**

(a) Apakah perasaan anda apabila membaca pernyataan di atas? Jelaskan.

J1 Sedih

H1 Keperluan golongan OKU tidak dipeduli

[2 *markah*]

(b) Jelaskan usaha-usaha yang harus dilakukan oleh setiap rakyat bagi melindungi hak golongan OKU.

F1 Memberikan keutamaan kepada golongan OKU

H1 Memberikan bantuan apabila mereka perlu

H2 Memudahkan pergerakan OKU

C1 Membuka pintu untuk OKU yang hendak masuk

H3 Menjaga perasaan mereka

F2 Menjaga kemudahan OKU yang disediakan

H4 Tidak melakukan vandalisme terhadap kemudahan OKU

H5 Menyenangkan kehidupan OKU

C2 Menekan butang lif dengan cermat tanpa merosakkan tulisan Braille pada butang

H6 Menegur individu yang merosakkan kemudahan OKU

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT 2

**4.** Jawab soalan berdasarkan maklumat di bawah.



Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah (1903 – 1990) merupakan Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dari tahun 1955, dan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama dari tahun 1957 sehingga 1970. Beliau juga turut dikenali dengan panggilan "Tunku" serta digelar sebagai "Bapa Kemerdekaan" dan "Bapa Malaysia". Sebagai Perdana Menteri, Tunku mengutamakan pembangunan infrastruktur, pendidikan, pembangunan luar bandar dan pertanian.

*(Sumber: www.perdana.org.my)*

(a) Nyatakan **dua** orang tokoh negara yang menyertai rombongan ke London untuk berbincang dengan kerajaan British mengenai kemerdekaan Tanah Melayu.

J1 Tun H.S. Lee

J2 Tan Sri Bahaman Shamsuddin

[2 *markah*]

(b) Tunku Abdul Rahman telah melakukan pengorbanan untuk mendapatkan kemerdekaan bagi negara kita. Jelaskan pengajaran yang boleh dicontohi oleh rakyat Malaysia supaya negara kita akan terus bebas daripada penjajahan kuasa asing.

F1 Memupuk semangat cinta akan negara

H1 Memberikan keutamaan kepada negara berbanding diri

H2 Tidak membelot negara

H3 Memastikan keselamatan negara terjamin

C1 Tidak membocorkan rahsia negara

F2 Memupuk semangat kekitaan antara rakyat

C2 Tidak membincangkan isu kedaulatan Raja-raja Melayu

H4 Memahami dan menghargai tradisi pelbagai kaum

H5 Tidak menyebarkan isu sensitif

H6 Bertimbang rasa terhadap sambutan perayaan kaum lain

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN C

UNIT 1

**5.** Soalan berikut berkaitan dengan sikap masyarakat.

Kampung Aman ditenggelami air selepas hujan lebat. Jabatan Alam Sekitar telah membuat siasatan dan mendapati ramai penduduk Kampung Aman membuang sampah ke dalam Sungai Langat yang terletak berhampiran dengan Kampung Aman.

(a) Pada pendapat anda, mengapakah penduduk Kampung Aman berbuat demikian?

F1 Bersikap individualistik

H1 Ingin menyenangkan diri sahaja

F2 Kekurangan pendidikan

H2 Tidak tahu kesan tindakan terhadap alam sekitar

[4 *markah*]

(b) Jelaskan kesan pengabaian norma masyarakat dalam kalangan penduduk Kampung Aman.

F1 Berlaku pencemaran air

H1 Sumber air yang bersih berkurang

H2 Ekosistem akuatik terjejas

C1 Hidupan akuatik dalam sungai mati

H3 Tidak dapat udara yang segar akibat kadar pembiakan alga tinggi

F2 Kehidupan penduduk sekitar terjejas

H4 Udara tidak nyaman

H5 Tiupan angin yang berbau busuk

C2 Sisa makanan dan bangkai haiwan dibuang ke dalam sungai

H6 Berasa tidak selesa

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Cerakinkan usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam menyelesaikan isu pencemaran air tersebut. Jawapan anda perlu berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

Watak: Kerajaan

Nilai: Rasional, tanggungjawab, kasih sayang

F1 Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar

H1 Memberikan hukuman yang setimpal

H2 Memberikan amaran kepada mereka yang ingin melakukan pencemaran air

H3 Memastikan rakyat tidak mengulangi kesalahan yang sama

C1 Mengenakan hukuman penjara selama 20 tahun

F2 Mengadakan kempen kesedaran tentang pencemaran air

H4 Mengetahui keburukan mencemarkan sungai

H5 Menjaga harta yang diberi oleh Tuhan

H6 Melahirkan masyarakat yang berilmu tentang pencemaran air

C2 Menayangkan video kesedaran di semua saluran televisyen dan radio

[8 *markah*]



**6.** Maklumat di bawah berkaitan dengan klasifikasi filem di Malaysia.




*(Sumber: www.moha.gov.my)*

(a) Mengapakah kerajaan Malaysia mengklasifikasikan filem yang ditayangkan di Malaysia?

F1 Melindungi kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun daripada kandungan filem tidak sesuai dengan peringkat umur serta boleh merosakkan pemikiran dan tingkah laku

H1 Elakkan kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun daripada terlibat dalam gejala negatif

F2 Memelihara hak penonton dewasa untuk memilih filem yang hendak ditonton

H2 Penonton dewasa dapat memilih untuk menonton filem yang tidak keterlaluan

[4 *markah*]

(b) Huraikan kesan sekiranya kerajaan Malaysia tidak mengklasifikasikan filem yang ditayangkan di Malaysia.

F1 Penerbit filem menghasilkan filem yang tidak sesuai

C1 Filem yang melanggar norma masyarakat

H1 Menimbulkan perselisihan faham

H2 Pergaduhan antara kaum berlaku

H3 Keharmonian masyarakat terancam

F2 Kreativiti dalam bidang filem tidak dapat diluaskan

H4 Menghasilkan filem yang tidak setaraf dengan standard antarabangsa

H5 Filem yang ditayangkan di tempatan tidak dapat dipelbagaikan

H6 Filem tempatan tidak dapat dipertandingkan pada peringkat antarabangsa

C2 Kekurangan kartun baharu yang sesuai dengan kanak-kanak

[8 *markah*]

(c) Cerakinkan langkah-langkah yang patut diambil oleh ibu bapa bagi menyahut seruan kerajaan dalam usaha klasifikasi filem. Jawapan anda harus berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

Watak: Ibu bapa

Nilai: Rasional, tanggungjawab, kebebasan

F1 Membimbing anak-anak memilih kandungan filem yang sesuai

H1 Menasihati anak-anak yang ingin menonton filem yang tidak sesuai

H2 Memberikan penerangan sebab memilih filem yang sesuai

H3 Menerangkan klasifikasi filem

C1 Klasifikasi umum

F2 Menemani anak-anak untuk menonton filem yang sesuai

H4 Menjelaskan kandungan filem semasa menonton

H5 Memberitahu kesan negatif melakukan tindakan negatif dalam filem

H6 Membetulkan pemikiran anak-anak dengan segera apabila dipengaruhi oleh kandungan filem

C2 Meniru aksi merokok dalam filem

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

**Skor**

/100

**Masa:** 2 Jam 30 Minit

**Bahagian A**
[50 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan*.

**1.** Maklumat berikut berkaitan dengan adab di meja makan.

| |
|---|
| Menjaga tingkah laku semasa di meja makan merupakan satu norma masyarakat yang perlu diamalkan. Tingkah laku yang baik penting supaya semua orang selesa apabila menjamu selera. |

(a) Nyatakan maksud norma masyarakat.

F1 Perilaku atau tindakan yang diterima

F2 Sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti dan budaya

[2 *markah*]

(b) Jelaskan **dua** adab di meja makan.

F1 Menjaga pertuturan

H1 Bercakap sopan

F2 Ambil makanan dengan cermat

H2 Tidak tumpahkan makanan di atas meja

[4 *markah*]

(c) Mengapakah kita perlu menjaga adab semasa di meja makan?

F1 Menjaga kebersihan

H1 Tidak mengotorkan meja

F2 Menunjukkan sikap mulia

H2 Disenangi orang lain

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** Keratan akhbar di bawah merujuk kepada hukuman atas kesalahan mencuri.

## Terpaksa mencuri anak lapar susu

Petaling Jaya: Tiga rakan sekerja dipenjara dan didenda di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan memiliki sebuah kipas, lapan kotak lampu LED dan sebuah pokok krismas yang dicuri daripada majikan mereka, minggu lalu.

Majistret Nurshahirah Abd Salim menjatuhkan hukuman penjara enam hari terhadap penyelia kilang, Suzanna Mohamed, 33, empat bulan penjara terhadap Mat Juri, 24 dan denda RM2,000 terhadap R Ravindran, 30.

Dalam prosiding itu, ketika disoal Nurshahirah alasan mereka melakukan perbuatan itu, Mat Juri berkata, dia terpaksa kerana majikan tidak membayar gaji dan tidak mempunyai wang untuk membeli susu anak.

*(Sumber: www.hmetro.com.my)*

(a) Wajarkah individu tersebut dijatuhkan hukuman?

J1 Wajar / Tidak wajar

H1 Beri pengajaran / Meneruskan kelangsungan hidup

H2 Tidak ulang kesalahan yang sama / Tindakan untuk menyelamatkan nyawa

[3 *markah*]

(b) Jelaskan kepentingan menjatuhkan hukuman berdasarkan prinsip keprihatinan.

F1 Mempertimbangkan kepentingan orang lain

H1 Memenuhi keperluan asas

F2 Membentuk sikap prihatin

H2 Elakkan sikap mementingkan diri

[4 *markah*]

(c) Anda mengetahui bahawa rakan anda telah mencuri wang rakan yang lain.
Apakah tindakan yang akan anda lakukan?

F1 Menasihati rakan

F2 Memberitahu guru kaunseling

F3 Memberitahu ibu bapanya

[3 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Gambar di bawah merujuk kepada penularan berita palsu.




*(Sumber: www.google.com)*

(a) Bagaimanakah anda menggunakan penaakulan moral apabila menerima mesej di atas?

F1 Memastikan kesahihan maklumat

H1 Menyemak dalam laman sesawang yang diiktiraf

F2 Tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih

[3 *markah*]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah pihak kerajaan bertindak tegas terhadap penyebar berita palsu?

F1 Menggugat keharmonian negara

H1 Negara huru-hara

F2 Menjaga imej negara

[3 *markah*]

(c) Anda bercadang untuk mempromosikan barangan jualan anda menggunakan media sosial. Sebagai pengguna yang beretika, bagaimanakah cara mempromosikan produk anda menggunakan teknologi maklumat?

F1 Tidak menipu pelanggan

H1 Meletakkan info produk dengan betul

F2 Menjaga tingkah laku

H2 Tidak mengeksploitasi wanita dalam iklan produk

[4 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

**4.** Gambar di bawah menunjukkan isu pemanasan global.




*(Sumber: www.freepik.com)*

(a) Isu pemanasan global semakin berleluasa. Berikan punca berlakunya pemanasan global.

F1 Penebangan hutan tidak terkawal

F2 Pembakaran bahan api fosil

[2 *markah*]

(b) Terangkan kesan pemanasan global terhadap manusia.

F1 Peningkatan aras laut

H1 Risiko banjir

F2 Kemerosotan sumber makanan

H2 Pengeluaran hasil pertanian merosot

[4 *markah*]

(c) Jelaskan langkah yang perlu diambil untuk mengatasi isu di atas.

(i) Kerajaan

F1 Mengadakan kempen kesedaran

H1 Menghebahkan tentang kesan buruk pemanasan global

[2 *markah*]

(ii) Individu

F1 Menggunakan kenderaan awam

H1 Mengurangkan pelepasan gas karbon monoksida

[2 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

**5.** Petikan berikut berkaitan dengan kes perceraian yang berlaku di negara kita.

## Ramai pasangan muda bercerai

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan kadar perceraian di negara ini menunjukkan peningkatan ketara, iaitu daripada 43,936 kes pada tahun 2021 kepada 62,890 kes pada tahun 2022.

Ia merupakan peningkatan sehingga 43.1 peratus dan kadar tertinggi yang direkodkan sejak tahun 2016.

*(Sumber: www.sinarharian.com.my)*

(a) Apakah punca yang menyebabkan kes perceraian semakin meningkat?

F1 Masalah kewangan

F2 Gangguan pihak ketiga / curang

F3 Penderaan fizikal dan mental

[2 *markah*]

(b) Jelaskan implikasi kepada anak-anak apabila berlaku keruntuhan dalam institusi kekeluargaan.

F1 Berasa terabai

H1 Tidak mendapat perhatian secukupnya

F2 Emosi terjejas

H2 Diejek oleh rakan

[4 *markah*]

(c) Bagaimanakah suami isteri dapat mengelakkan kes perceraian daripada berlaku?

F1 Sentiasa bertolak ansur

H1 Berbincang bersama-sama jika ada masalah

F2 Menyertai kursus kekeluargaan

H2 Mengetahui peranan diri

[4 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

**Bahagian B**
[10 *markah*]
*Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

**6.** Maklumat di bawah menunjukkan kejayaan seorang pelajar kurang upaya di Malaysia.

**Pelajar OKU cipta kejayaan luar biasa, 11A dalam SPM 2023**

**KUCHING**: Status Orang Kurang Upaya (OKU) tidak dijadikan kekurangan yang memberikan halangan kepada pelajar-pelajar ini dalam memperoleh keputusan yang cemerlang bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023.

Eason Chua, 18 merupakan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Kuching telah memperoleh 11A (9A+ dan 2A) bagi peperiksaan SPM 2023 yang lalu.

*(Sumber: suarasarawak.my)*

(a) Berikan pengajaran yang anda pelajari daripada kejayaan pelajar tersebut.

F1 Saya perlu berusaha untuk berjaya

F2 Saya tidak berputus asa apabila menghadapi masalah

[2 *markah*]

(b) Bagaimanakah kerajaan dapat meningkatkan taraf hidup orang kurang berupaya (OKU) di Malaysia?

F1 Menyediakan pelbagai kemudahan asas

H1 Memudahkan urusan harian

C1 Tandas OKU

H2 Memastikan keselamatan OKU

H3 OKU menjalani kehidupan seperti manusia normal

F2 Menggalakkan pengambilan pekerja OKU dalam semua sektor

H4 Memberikan peluang untuk menyumbang kepada pembangunan negara

C2 1% kuota pekerjaan untuk OKU dalam sektor kerajaan

H5 Memastikan golongan OKU menyambung pengajian

H6 Menggunakan kemahiran yang diperoleh dalam bidang pekerjaan

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**7.** Gambar berikut merujuk kepada keunikan rakyat Malaysia.



*(Sumber: Google Images)*

(a) Nyatakan cabaran yang akan dihadapi oleh kita dalam mengekalkan keunikan tersebut.

F1 Perbezaan bahasa

F2 Perbezaan agama

[2 *markah*]

(b) Jelaskan langkah yang patut diambil oleh ibu bapa untuk memastikan keunikan ini berkekalan.

F1 Mengamalkan adat dan budaya dalam keluarga

H1 Meraikan hari perayaan

C1 Cap Goh Mei

H2 Budaya diketahui generasi muda

H3 Dapat diwarisi turun-temurun

F2 Mendidik anak-anak menerima kepelbagaian budaya

H4 Mengajar anak tentang makanan/pakaian tradisional

C2 Membawa anak mencuba makanan pelbagai kaum di rumah terbuka sempena perayaan

H5 Memberitahu kepentingan mengenali budaya pelbagai kaum

H6 Memberikan kesedaran kepada anak-anak untuk menjaga hubungan baik dengan kaum lain

[8 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

**Bahagian C**
[40 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan*.

**8.** Gambar di bawah tentang Program Ziarah Cakna yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.




*(Sumber: Google Images)*

(a) Nyatakan bantuan yang boleh diberikan kepada murid dan keluarganya sekiranya pihak sekolah mendapati murid terbabit hidup dalam kemiskinan.

F1 Kewangan
F2 Keperluan asas
F3 Buku rujukan
F4 Kelas tuisyen percuma

[4 *markah*]

(b) Huraikan kepentingan Program Ziarah Cakna oleh pihak sekolah terhadap murid terlibat. Justifikasikan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

Watak: Pihak sekolah
Nilai: Rasional, bertanggungjawab, kasih sayang

F1 Menyelesaikan masalah murid
H1 Mengetahui punca masalah
C1 Murid ponteng sekolah
H2 Dapat memberikan nasihat
H3 Meningkatkan motivasi murid untuk meneruskan pelajaran
F2 Merapatkan hubungan antara pihak sekolah dengan ibu bapa
H4 Ibu bapa mengetahui masalah anak-anak
C2 Ibu bapa menghubungi pihak sekolah untuk mengetahui keadaan anak mereka
H5 Elak masalah semakin kritikal
H6 Penyelesaian segera dapat diambil

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Ramalkan implikasi jika Program Ziarah Cakna diabaikan oleh pihak sekolah.

F1 Murid ketinggalan dalam pelajaran

H1 Murid tidak dipedulikan

C1 Murid bekerja sehingga tidak ke sekolah

H2 Murid bermasalah diabaikan

H3 Masa depan murid terjejas

F2 Tidak mengetahui masalah murid

C2 Murid miskin

H4 Bantuan tidak dapat diberikan

H5 Murid tidak dapat belajar dengan selesa

H6 Prestasi dalam pelajaran terjejas

[8 *markah*]

**9.** Maklumat berikut merujuk kepada isu muflis yang dialami oleh golongan belia.

**1,610 belia muflis direkodkan dalam tempoh 6 bulan**

"Didapati seramai 1,486 atau 47 peratus daripada 3,165 keseluruhan kes muflis adalah disebabkan oleh pinjaman peribadi.

"Selain itu, sebanyak 249 kes disebabkan oleh sewa beli kenderaan, 454 kes (pinjaman perniagaan) dan 284 kes (pinjaman perumahan), 140 kes (hutang kad kredit), 84 kes (penjamin korporat), 83 kes disebabkan hutang cukai pendapatan," ujarnya.

*(Sumber: www.kosmo.com.my)*

(a) Mengapakah isu muflis semakin berleluasa dalam kalangan belia?

F1 Materialistik

H1 Gaya hidup mewah

F2 Penggunaan kad kredit melampau

H2 Berbelanja melebihi kemampuan

[4 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

(b) Ramalkan kesan jika belia terlibat dengan isu muflis.

F1 Hutang bertambah

H1 Tidak mampu membayar balik

C1 Keperluan asas tidak dapat dipenuhi

H2 Kehidupan harian terjejas

H3 Hidup tidak gembira

F2 Disenaraihitamkan oleh pihak bank

H4 Imej diri terjejas

C2 Tidak dapat membuat pinjaman dengan institusi kewangan

H5 Sukar membeli aset tetap

H6 Tiada harta

[8 *markah*]

(c) Bagaimanakah golongan belia dapat mengelakkan diri daripada menjadi muflis? Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

Watak: Golongan belia

Nilai: Rasional, bertanggungjawab, kesederhanaan

F1 Berbelanja mengikut kemampuan

H1 Membeli barangan keperluan berbanding kehendak

C1 Membeli makanan berbanding telefon bimbit berjenama

H2 Memastikan wang mencukupi

H3 Tidak mengalami masalah kewangan

F2 Tidak menggunakan kad kredit melampau

C2 Mengehadkan penggunaan kad kredit

H4 Elak penggunaan terlalu banyak

H5 Membayar kad kredit pada masa yang ditetapkan

H6 Hutang tidak tertangguh

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.